



21 JUN, 2025

Jimat bil di luar waktu puncak

Sinar Harian, Malaysia



Pengguna juga disaran manfaat cuti hujung minggu untuk basuh, seterika baju

Oleh **NURHIDAYAH HAIROM**
SHAH ALAM

Pengguna domestik digesa memanfaatkan peluang penggunaan tenaga di luar waktu puncak bagi menikmati penjimatan bil elektrik, sekali gus mengelak daripada menanggung kadar caj yang lebih tinggi.

Penganalisis Ekonomi University College i-CATS Kuching, Profesor Datuk Dr Shazali Abu Mansor berkata, perkara tersebut tidak mustahil kerana pengguna mempunyai pilihan untuk mengurus penggunaan elektrik bagi aktiviti tertentu.

Menurutnya, peluasan tempoh luar puncak yang lebih panjang menerusi skim Masa Penggunaan atau *Time of Use* (TOU) diumumkan kerajaan, khususnya sepanjang Sabtu dan Ahad harus dimanfaatkan sepenuhnya.

"Mungkin ada sesetengah perkara seperti penggunaan peti ais sukar diurus untuk diguna pada luar waktu puncak sahaja kerana akan sentiasa dipasang.

"Tapi ada aktiviti lain yang boleh dikawal seperti seterika baju, guna mesin basuh, mesin pengering atau penggunaan pendingin hawa. Ini boleh atur, guna ketika luar waktu puncak memandangkan kerajaan menetapkan kadar lebih rendah daripada biasa," katanya kepada *Sinar Harian*.

Pada Jumaat kerajaan mengumumkan lebih 23.6 juta pengguna domestik di Semenanjung Malaysia akan menikmati kadar elektrik yang lebih adil dan progresif menerusi pelaksanaan jadual tarif elektrik baharu yang akan berkuat kuasa mulai 1 Julai ini hingga 31 Disember 2027.

Melalui insentif ini, pengguna domestik dengan penggunaan elektrik 1,000 kWj dan ke bawah dijangka tidak terkesan dengan pelaksanaan jadual tarif baharu.

Selain itu, skim TOU membolehkan pengguna lebih 1,000 kWj telah diselaras dan diperluas



Pelaksanaan tarif baharu elektrik akan bermula 1 Julai ini.

kepada tempoh luar puncak yang lebih panjang iaitu keseluruhan Sabtu, Ahad dan 10 malam sehingga 2 petang pada hari Isnin hingga Jumaat.

Penggunaan di luar waktu puncak boleh menjimatkan bil elektrik berbanding ketika waktu puncak.

Shazali berkata, tarif baharu tersebut dilihat mampu memenuhi objektif agar pengguna domestik menikmati kadar yang



SHAZALI

lebih adil.

Pada masa sama ujar beliau, langkah tersebut juga tetap memberi pulangan hasil yang memberangsangkan kepada Tenaga Nasional Berhad tanpa membebankan rakyat.

"Di waktu luar puncak, tak ramai yang guna. Tapi selepas ini bila ramai yang pilih guna tenaga elektrik luar waktu puncak untuk berjimat, ia juga memberi pendapatan kepada TNB," katanya.

TIP UNTUK MENJIMATKAN TENAGA ELEKTRIK

- **Matikan lampu dan penyaman udara:** apabila tidak digunakan atau apabila bilik kosong.
- **Gunakan lampu LED:** yang lebih tahan lama, jimat tenaga.
- **Matikan suis peralatan elektrik:** selepas digunakan, contohnya komputer.
- **Cabut plug:** yang tidak digunakan kerana ia masih menggunakan elektrik walaupun tidak dihidupkan.
- Elakkan meninggalkan peralatan elektrik dalam mod sedia (*standby*).
- **Tutup tingkap:** dengan langsir tebal untuk mengurangkan haba masuk, terutama jika menggunakan pendingin hawa.
- **Gunakan tenaga solar:** untuk lampu di halaman rumah atau untuk peralatan elektrik yang lain.
- Pilih peralatan elektrik yang mempunyai label cekap tenaga.
- **Gunakan periuk tekanan (pressure cooker):** untuk memasak dengan lebih cepat dan jimat tenaga.